

475 sembuh dibenar pulang

China arah segera bakar mayat pesakit tanpa upacara tradisi

Beijing: Pihak hospital di China membenarkan 475 pesakit dijangkiti coronavirus (2019-nCoV) pulang selepas disahkan bebas jangkitan itu.

Pada masa sama, pihak berkuasa kesihatan China turut melaporkan setakat ini 361 terkorban, selain 17,205 kes disahkan terkena jangkitan virus terbabit di

negara itu.

Mereka juga mengarahkan mayat pesakit coronavirus dibakar secepat mungkin, tanpa perlu mengadakan upacara pengebumian.

Agensi berita *Xinhua* melaporkan, panduan itu dikeluarkan bersama oleh pejabat Suruhanjaya Kesihatan Negara, Kementerian Hal Ehwal Awam dan Kementerian Keselamatan Awam.

“Mayat pesakit dijangkiti virus ini tidak sepatutnya dibawa keluar dari daerah dan tidak boleh disimpan, sebaliknya perlu dibasmi kuman serta dimasukkan ke dalam beg yang ditutup oleh pekerja

perubatan seperti diarahkan.

“Ia tidak boleh dibuka selepas itu, malah rumah mayat juga perlu ada kenderaan berasingan untuk membawa mayat menggunakan laluan dibenarkan sebelum dibakar mengikut panduan ditetapkan,” katanya.

Pada masa sama, agensi berita *Xinhua* juga melaporkan, pakar jabatan pernafasan Hospital Kanak-Kanak, Zhejiang University, Chen Zhimin, berkata terdapat potensi risiko perpindahan virus daripada emak kepada anak bagi wanita hamil yang dijangkiti coronavirus.

Bagaimanapun, di Harbin,

seorang wanita yang dijangkiti coronavirus selamat melahirkan bayi perempuan 3.05 kilogram di sebuah hospital di ibu negeri wilayah Heilongjiang, 30 Januari lalu.

Suruhanjaya Kesihatan Perbandaran Harbin, berkata pengurusan hospital memaklumkan selepas menjalani kuarantin dan pemantauan, ibu dan bayi disahkan stabil.

Semua petugas perubatan yang terbabit dalam pembedahan itu juga terselamat daripada pendedahan berbahaya dan kini dipantau rapi di unit kuarantin.

AGENSI